

## **SIGNIFIKASI BEDUK SEBAGAI INSTRUMEN KOMUNIKASI TRADISIONAL MASYARAKAT MELAYU**

**Juriah Mohd Amin\***

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Kampus Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia

**Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Kampus Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia

**Abd. Munir Mohd Noh**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Kampus Tapah, 35400, Tapah Road, Perak, Malaysia

*\*Corresponding Author's Email: juria876@uitm.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 20 Oktober 2023*

*Accepted : 13 November 2023*

*Published : 22 Disember 2023*

### **ABSTRAK**

Masyarakat Melayu dahulu memiliki kearifan tersendiri dalam menyebarkan berita atau maklumat sesama mereka. Mereka menggunakan beberapa instrumen yang direka menggunakan apa yang ada di sekitar mereka hasil daripada interaksi dan observasi mereka terhadap alam. Instrumen ini boleh menghasilkan bunyi yang kuat yang dapat difahami oleh ahli masyarakat maksud berita yang ingin disampaikan samada ianya menandakan masuk waktu solat, ada kematian, berlaku kecemasan dan sebagainya. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti signifikasi penggunaan beduk dan beberapa instrumen lain yang digunakan sebagai instrumen komunikasi oleh masyarakat Melayu tradisional. Kajian ini difokuskan kepada instrumen yang digunakan oleh masyarakat Melayu di masjid dan surau. Untuk mencapai objektif yang digariskan, penulis menggunakan pendekatan kualitatif. Penulis menggunakan dua kaedah utama iaitu kaedah analisis dokumen dan kaedah kajian lapangan bagi mendapatkan data kajian. Menerusi kaedah analisis dokumen, penulis meneliti dokumen-dokumen yang diperolehi samada buku, artikel, jurnal, prosiding, majalah dan laporan akhbar berkaitan dengan isu kajian. Untuk kaedah kajian lapangan, temuramah dengan tiga orang informan telah dilakukan. Hasil daripada kajian ini, dapat dikenalpasti tentang sejarah penggunaan beduk, fungsinya dan cara pembuatannya. Di samping itu juga ditemui instrumen-instrumen lain yang menjadi alat komunikasi masyarakat Melayu silam sebelum ianya diganti dengan

penggunaan alatan moden. Ini secara tidak langsung menunjukkan kepada daya kreativiti masyarakat dahulu hasil daripada interaksi mereka dengan persekitaran. Adalah diharapkan banyak lagi kajian dan pendokumentasian bagi memastikan hasil kreativiti masyarakat dahulu tidak dilupakan begitu sahaja. Tidak salah jika *yang lama dikelek, yang baharu didukung*.

**Kata Kunci:** Beduk; Kertuk; Komunikasi; Tetuang; Tradisional

## ***THE SIGNIFICANCE OF THE BEDUK AS A TRADITIONAL COMMUNICATION INSTRUMENT IN MALAY SOCIETY***

### ***ABSTRACT***

*The Malay community in the past had their own wisdom in spreading news or information among themselves. They used various instruments created from their interactions and observations of nature. These instruments could produce loud sounds understood by the community members, indicating events like prayer times, deaths, emergencies, and so on. The objective of this study is to identify the significance of using the beduk (drum) and other instruments as communication tools by traditional Malay communities. The study focused on instruments used in mosques and prayer halls. To achieve the outlined objective, the author employed a qualitative approach, utilizing two main methods: document analysis and field research to gather data. Through document analysis, the author examined documents such as books, articles, journals, proceedings, magazines, and newspaper reports related to the study issue. For the field research method, interviews with three informants were conducted. From this study, the history of beduk usage, its functions, and manufacturing methods were identified. Additionally, other instruments used by ancient Malay communities as communication tools before the advent of modern devices were discovered. This indirectly demonstrates the creativity of the past community resulting from their interaction with the environment. It is hoped that more research and documentation will be conducted to ensure that the creativity of past communities is not forgotten. Preserving the old while embracing the new is not wrong.*

**Keywords:** *Beduk; Kertuk; Communication; Tetuang; Traditional*

### **PENDAHULUAN**

Beduk merupakan satu alat komunikasi (Anabillah, 2017; S. Beki Istiyanto, 2013) dan alat muzik tradisional yang bukan bersifat muzikal (Nadzirah et al., 2018). Ia termasuk dalam kategori membranofon iaitu gendang satu muka yang berbentuk memanjang (*elongated*) (Nik Mustapha, 2009). Beduk mendapat nama hasil daripada cara penggunaan alat tersebut dimana permukaannya akan dipalu dengan menggunakan sebatang kayu dengan rentak yang tertentu (Nadzirah et al., 2018).

Muhamad Syahmi (2018) pula mentakrifkan beduk sebagai sejenis gendang besar yang dipukul oleh si pemukul beduk, dibalut dengan getah pada bahagian kepala kayu pemukul untuk menghasilkan bunyi yang kuat pada permukaan kulit yang diperbuat daripada kulit lembu. Selain dinamakan “beduk” atau “bedug”, ia juga dipanggil geduk, tabuh dan gendang raya (*big drum*) (Noresah, 2013; Somayeh Armani, 2014). Walaubagaimanapun, ada yang membezakan antara beduk dan geduk. Beduk adalah gendang satu muka sahaja dan digunakan di masjid atau surau. Manakala geduk pula adalah gendang dua muka dan digunakan sebagai alat muzik (PK1, 2023). Dalam kalangan etnik Jawa, beduk dikenali dengan panggilan kentung (ketuk-ketuk) (<https://www.sinarharian.com.my/article/82490/khas/ramadan/palu-beduk-sampai-sahur>). Manakala di Brunei pula, instrumen ini dikenali dengan nama “baduk” (<http://baduk-brunei.blogspot.com/p/pengenalan.html>). Di sesetengah tempat, beduk ditempatkan di masjid manakala kerantung pula diletakkan di surau. Namun ada juga yang meletakkan kerantung di masjid (dan surau) sebagaimana di Perak (Rozimah & Juriah, 2016).

Pada masa dahulu (sebelum adanya bekalan elektrik dan diperkenalkan penggunaan pembesar suara di masjid dan surau) bunyi beduk menjadi sebahagian daripada irama yang didendangkan dalam kehidupan seharian masyarakat Islam di Nusantara. Bunyi paluan beduk menunjukkan orang-orang Melayu dahulu telah pun terdedah dengan bunyi-bunyian yang memecahkan kesunyian sesebuah perkampungan sama ada untuk menandakan masuk waktu solat atau keraian tertentu (Raja Iskandar, 2017). Pada masa dahulu, beduk juga termasuk antara peralatan dan kemudahan yang diwakafkan di masjid atau surau/madrasah selain daripada jambatan, telaga air, mimbar, rehal dan juga meriam samada oleh individu atau masyarakat (Hasanudin & Zuliskandar, 2021). Sehingga kini beduk masih lagi tersimpan di sesetengah masjid walaupun tidak lagi digunakan. Ia juga di pameran di muzium-muzium seperti di Muzium Islam Kelantan dan Muzium Felda Lurah Bilut, Muzium Sultan Abu Bakar Pahang dan Muzium Sultan Alam Shah, Selangor sebagai pelestarian budaya Melayu dan Islam.



**Gambar 1:** Beduk yang dipamerkan di Muzium Islam Kelantan



**Gambar 2:** Beduk yang dipamerkan di Muzium Felda Lurah Bilut

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenalpasti peranan dan cara pembuatan beduk.
2. Mendokumentasikan beduk sebagai kearifan lokal masyarakat Melayu tradisional.
3. Mengenalpasti instrumen komunikasi tradisional selain beduk yang digunakan di masjid dan surau.

## KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian lepas berkenaan beduk. Penulis membahagikannya kepada tiga tema utama iaitu pengenalan beduk, fungsi beduk dan justifikasi penggunaan beduk.

**Jadual 1:** Pengenalan Beduk

Penulis	Intipati Kajian
Hasanuddin & Zuliskandar, 2021	Di zaman permulaan Islam, beduk adalah antara peralatan dan kemudahan yang diwakafkan di masjid-masjid sama ada oleh individu atau masyarakat.
Nadhirah et al., 2018	Beduk dikategorikan sebagai alat muzik tradisional yang bukan bersifat muzikal
Ahmad Munif, 2017	Beduk adalah satu inovasi yang dihasilkan oleh pendakwah Islam untuk memanggil solat. Di sebahagian masjid di Jawa, tabuhan beduk masih dilakukan sebelum azan dikumandangkan.

**Jadual 2:** Fungsi Beduk

<b>Penulis</b>	<b>Intipati Kajian</b>
Hasanuddin & Zulkifli, 2021	Masjid merupakan pusat penyebaran maklumat dan komunikasi. Setiap maklumat seperti kedatangan hari perayaan, berlakunya bencana alam, kemalangan dan kematian akan disampaikan dengan alat komunikasi yang berada di masjid iaitu beduk.
Yundi Fitrah & Asyhadi Mufsi, 2018	Beduk adalah sebahagian daripada elemen yang terdapat di Masjid Agung Pondok Tinggi. Di situ terdapat beduk yang dipanggil beduk larangan. Ia dibunyikan ketika berlaku musibah sahaja.
Anabillah, 2017	Beduk digunakan sebagai alat memanggil solat selain daripada cara azan.
Omar Farouk, 1989	Beduk digunakan oleh masyarakat dahulu sebagai satu medium komunikasi bagi mengumpul masyarakat di sesuatu kawasan atau tempat termasuklah memanggil untuk solat. Terdapat alat yang mempunyai fungsi yang sama dengan beduk, dipanggil kertuk.

**Jadual 3:** Justifikasi Penggunaan Beduk

<b>Penulis</b>	<b>Intipati Kajian</b>
Darori Amin (ed.), 2000	Masyarakat Melayu memukul beduk terlebih dahulu dan diikuti dengan laungan azan mungkin kerana bunyinya yang lebih menggema dan suara pukulan beduk dapat didengari dalam radius yang cukup jauh.

## **METODOLOGI**

Kajian ini adalah kajian kualitatif di mana penulis telah menggunakan dua kaedah utama iaitu kaedah analisis dokumen dan kaedah kajian lapangan bagi mendapatkan data kajian. Menerusi kaedah analisis dokumen, penulis meneliti dokumen-dokumen yang diperolehi samada buku, artikel, jurnal, majalah dan prosiding berkaitan dengan isu kajian. Manakala untuk kaedah temubual pula, butirannya adalah seperti berikut:

1. Peserta Kajian 1 (PK1) (2023). Temubual pada jam 3.30 petang bertempat di Muzium Islam Kelantan.
2. Peserta Kajian 2 (PK2) (2021). Temubual pada jam 5 petang bertarih 13 Ogos 2021 petang di Kampung Sila, Tok Uban, Kelantan.
3. Peserta Kajian 3 (PK3) (2021). Temubual pada jam 10 pagi bertarih 15 Ogos 2021 bertempat di Kampung Kutan Tengah, Kelantan.

## HASIL KAJIAN

### Sejarah Penggunaan Beduk Di Nusantara

Sebelum kedatangan Islam di Nusantara, beduk telah pun digunakan oleh masyarakat Nusantara dan dijadikan sebagai media komunikasi untuk mengumpulkan orang ramai. Menurut Hendri F. Isnaeni (2010), beduk berfungsi sebagai media untuk mengumpulkan penduduk dari pelbagai desa dalam rangka persiapan perang.

Terdapat tiga pandangan tentang asal usul beduk. Pandangan yang pertama mengaitkannya dengan pengaruh Hindu. Menurut Pijper (1992), (lihat juga: Mastor Surat, 2017; Nangkula Utaberta, 2007) beduk berasal dari kebudayaan Hindu kuno. Pada awalnya ia tidak ada sebarang hubungan dengan Islam tetapi kemudiannya telah digunakan sebagai tanda masuk waktu solat fardu.

Pandangan kedua berpendapat bahawa beduk merupakan alat bunyi yang berasal dari negara China. Ia dikaitkan dengan ekspedisi pasukan Cheng Ho pada abad ke-15. Ketika Laksamana Cheng Ho datang ke Semarang, Jawa Tengah, mereka mendapat sambutan yang baik dari Raja Jawa pada ketika itu. Ketika Cheng Ho hendak pergi memberikan hadiah, Raja dari Semarang mengatakan bahawa mereka ingin mendengar suara beduk dari masjid. Hal ini sama seperti fungsi beduk di China, Korea dan Jepun di mana alat tersebut diletakkan di kuil-kuil sebagai alat komunikasi ritual keagamaan (Zulkifli al-Bakri, 2023). Ada juga yang berpendapat yang beduk berasal dari tradisi drum Cina yang tersebar ke Asia Timur, kemudian masuk ke Nusantara.

Pandangan ketiga pula berpendapat bahawa beduk merupakan peninggalan nenek moyang bangsa Indonesia semasa Belanda datang menjajah negara mereka. Beduk ini direka bagi memberitahu penduduk lain terutama penduduk yang tinggal jauh tentang kedatangan penjajah tersebut. Setelah itu, mereka sedar bahawa beduk ini dapat memainkan peranan sebagai penyebar maklumat. Oleh itu, mereka memutuskan untuk mengekalkan penggunaannya sehingga sekarang (Nadhirah et al., 2018).

Soalan yang menarik juga tentang sejarah penggunaan beduk di Nusantara ialah bilakah bermulanya penggunaan beduk di Nusantara? Ada pendapat menyebutkan bahawa penggunaan beduk bermula pada zaman Majapahit pada abad ke-14 hingga ke-16 Masihi. Pada masa penjajahan Belanda, sebuah catatan pelayaran Belanda yang pertama ke Nusantara oleh Cornelis de Houtman mencatat keberadaan beduk, bonang, gendang, dan gong. Di dalam catatan tersebut, Houtman menuliskan bahawa beduk popular di daerah Banten, Jawa Barat. Ia telah diguna secara meluas pada abad ke-16 sebagai sebagai tanda sedang berlaku perkara yang bahaya dan juga sebagai penanda waktu (Zulkifli al-Bakri, 2023; Kamaruddin Amin et al., 2018; Mudzakkir Dwi Cahyono, 2008).

Selepas itu, beduk dikaitkan dengan Islamisasi yang dilakukan oleh Wali Songo sekitar abad ke-15 atau abad ke-16. Beduk mula diletakkan di masjid-masjid dan berfungsi untuk mengajak umat Islam melaksanakan solat lima waktu. Terdapat masjid-masjid yang meletakkan beduk di beranda atau lantai atas. Namun, ada pula yang diberi rumah kecil, terpisah dari masjid. Pada 1659, memukul beduk sudah

menjadi satu tradisi. Ketika seorang doktor kapal Belanda, Wouter Schouten berlayar ke Ternate, ia mencatat penggunaan beduk ketika itu untuk memanggil orang-orang datang ke masjid. Dua tahun kemudian, ketika dia berada di Banten, dia melihat sebuah beduk yang tinggi dan lebar sebesar kaki di tepi menara masjid. Bunyi paluan beduk dapat didengari hingga berbatu-batu hingga ke pergunungan. Kini, beduk diketuk untuk memberi tahu waktu solat sudah tiba dan sebagai tanda awal dan akhir waktu untuk berpuasa (Zulkifli al-Bakri, 2023).

Pukulan beduk untuk memanggil masyarakat Islam solat dianggap satu inovasi pendakwah Islam. Ketika Islam masuk ke Indonesia, pendakwah Islam telah melakukan inovasi dengan memukul beduk sebelum melaungkan azan (Haninoto dan Samuel Hartono, 2007). Ini mungkin kerana suara beduk dianggap lebih menggema dan suaranya dapat didengar dalam jarak yang cukup jauh (Darori Amin, 2000; Kamaruddin Amin et al., 2018). Menurut kajian Hendri (2010) beduk digunakan kerana kebanyakan masjid di Asia Tenggara pada abad ke 20, belum mempunyai menara untuk melaungkan azan. Sebagai ganti masjid-masjid perlu mempunyai satu gendang besar iaitu beduk untuk dipalu sebelum azan berkumandang.

Fenomena yang sama juga dapat dilihat di Tanah Melayu tiga atau empat puluh tahun yang lalu dan masa sebelumnya. Masyarakat kampung khususnya bersifat konvensional dan tradisional. Jarak antara satu rumah dengan rumah yang lain adalah jauh. Walaupun kampung tetapi masih tebal dengan pohon kayu dan belukar yang mana menghalang suara muazzin atau bilal untuk melaungkan azan sehingga didengari oleh penduduk kampung. Tambahan pula dengan ketiadaan pembesar suara di masjid atau surau. Kalau pun ada, suaranya agak terbatas untuk sampai kepada penduduk yang jauh. Inilah yang menjadi punca penggunaan beduk pada masa itu (Zulkifli al-Bakri, 2023).

Menurut Zulkifli al-Bakri (2023) juga, dipercayai masyarakat dahulu tidak cuba menyamakan tabuhan beduk dengan apa yang dilakukan oleh penganut agama lain. Matlamat mereka lebih kepada memanggil orang ramai untuk berhimpun. Namun, penggunaan beduk pada masa kini adalah kurang sesuai kerana azan yang dilaungkan muazzin dapat didengari dengan jelas dengan penggunaan pembesar suara.

## **Fungsi Beduk**

Terdapat dua fungsi utama beduk. Dari sudut sosial, beduk berfungsi sebagai alat komunikasi. Dari sudut estetika, beduk dikategorikan sebagai alat muzik. Sebagai alat muzik, beduk dimainkan dalam muzik dikir, Mak Yong dan wayang kulit (Awang Ngah, 2012). Fungsi beduk ini disokong juga oleh data lapangan.

*“Fungsi sebenar beduk ialah sebagai alat perhubungan atau komunikasi untuk menyebarkan sesuatu berita dari satu kampung ke satu kampung. Misalnya untuk memaklumkan tentang kes kecurian agar masing-masing dapat berhati-hati atau bersedia untuk menangkap si pencuri. Tetapi sekarang, apabila adanya alat*

*perhubungan seperti pembesar suara atau talipon, beduk dimainkan sebagai alat muzik tradisional.” (PK1, 2023)*

Beduk tidak boleh dipalu sembarangan. Kebiasannya ada individu yang ditugaskan untuk memukul beduk seperti siak, bilal atau imam masjid. Bunyi pukulan beduk adalah berlainan dan mengikut situasi samada menandakan telah masuk masuk waktu sembanhyang, bersahur, hari raya, kecemasan ataupun kematian (Noor Azlida, 2012). Dapat disimpulkan, antara fungsi pukulan beduk ialah:

1. Pemberitahuan masuk waktu solat  
Salah satu fungsi utama beduk adalah sebagai alat untuk memberitahu masyarakat tentang masuknya waktu solat dan juga memanggil mereka untuk berjemaah di masjid. Bagi menandakan masuk waktu solat, beduk akan dipukul. Bilangan paluan beduk adalah berbeza mengikut waktu. Pukulan sekali menandakan waktu subuh, dua kali waktu zohor, tiga kali waktu asar, tiga kali waktu maghrib dan lima kali untuk waktu isyak. Selepas paluan geduk ini, akan diikuti pula oleh laungan azan, iqamah dan sembahyang fardu. Inilah yang diamalkan sejak turun temurun.
2. Penggera sahur di bulan Ramadhan  
Beduk juga berfungsi sebagai indikator waktu bagi umat Islam terutama selama bulan Ramadhan. Ia bertindak sebagai “penggera” di bulan Ramadhan untuk bangun bersahur dan berbuka puasa (Mohd Izzatul, 8 Mei 2020). Penduduk yang mendengarnya akan faham waktu sahur sudah bermula dan kebiasaan ketukan itu dilakukan pada jam 3 pagi. Penduduk akan bersahur di rumah, surau atau masjid secara berjamai-ramai (<https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/lain-lain/2023/04/1090114/tukar-juadah-makin-luput> ). Beduk juga dipalu bagi menandakan sudah masuk waktu imsak, Selain itu beduk juga dibunyikan bagi memaklumkan perayaan penting seperti Hari Raya Aidil Fitri, dan Hari Raya Aidil Adha.
3. Berlaku kematian  
Beduk juga diketuk bagi memaklumkan masyarakat setempat tentang berlakunya kematian. Sekiranya si mati seorang dewasa, beduk diketuk sebanyak tujuh kali dan dilanjutkan dengan pukulan panjang dan diakhiri dengan pukulan terputus-putus 7 kali lagi. Jika diketuk sebanyak tiga kali diikuti dengan pukulan panjang dan diakhiri dengan tiga kali pukulan terputus-putus, menandakan si mati adalah kanak-kanak (Mohd Nefi Imran, 1999).
4. Berlaku kecemasan  
Seperti kes kecurian, banjir dan amukan binatang buas.

5. Majlis gotong royong  
Paluan beduk juga bertindak sebagai pemberi peringatan (*soft reminder*) aktiviti gotong royong akan dimulakan. Contohnya seperti gotong royong memindahkan rumah dan jemputan menghadiri kenduri sama ada kenduri kahwin, kesyukuran dan solat hajat beramai-ramai. Masyarakat terlebih dahulu akan dimaklumkan tentang perkara itu sebelumnya. Pada hari kejadian, apabila gulai sudah masak, beduk akan dipalu sebagai mengingatkan semula masyarakat desa untuk menghadiri kenduri (PK1, 2023).

### **Cara Pembuatan Beduk**


Menurut PK1 (2023) agak sukar untuk mencari pembuat beduk pada hari ini kerana beduk tidak lagi digunakan samada di masjid atau pun surau. Ini bermakna faktor ketidakbolehan pasaran pada hari ini menyebabkan seni membuat beduk semakin pupus. Beliau hanya membuat beduk jika ada permintaan daripada pihak tertentu seperti Majlis Agama Islam Kelantan. Justeru generasi pembuat peralatan tradisional hari ini lebih cenderung kepada membuat alat-alat muzik tradisional kerana pasarannya masih ada. Menurut beliau juga cara pembuatan beduk dan peralatan muzik seperti gendang, rebana, kompang adalah lebih kurang sama hanya berbeza dari segi saiz sahaja. Untuk menghasilkan beduk, memerlukan tiga penyediaan utama iaitu:

1. Penyediaan kayu
2. Penyediaan kulit lembu atau kerbau
3. Penyediaan kayu pemalu dan cagak

#### **1. Penyediaan kayu**

Pemilihan kayu yang berkualiti adalah langkah pertama dalam pembuatan beduk. Kayu yang biasanya digunakan adalah batang pokok kayu jati, merbau, nangka, tal (kelapa laut), sena dan halban, atau kayu keras lainnya yang tahan lama. Antara kayu yang tidak digunakan adalah kayu getah kerana ringan dan cepat rosak di makan dek kumbang bubuk kayu. Panjang sesebuah geduk adalah bergantung kepada permintaan dan kayu yang ada. Misalnya geduk yang dipamerkan di Muzium Seni Islam Kota Bharu adalah berukuran 94 cm panjang, 51 cm lebar dan berukur lilit 163 cm.

Kayu akan dilarikkan (dijadikan licin dan bulat) dengan menggunakan sejenis alat atau mesin. Kemudian di lubangkan. Selepas itu kayu akan dijemur sehingga betul-betul kering. Proses pengeringan ini mungkin memakan masa antara setahun hingga dua tahun. Tujuannya untuk memastikan kayu tersebut benar-benar kering. Seandainya kayu tidak kering, belulang yang dipasang, akan cepat kendur. Proses menyiapkan beduk ini bergantung kepada kayu. Sekiranya kayu sudah benar-benar kering, proses menyiapkan beduk hanya mengambil masa lebih kurang sebulan sahaja. Jika sebaliknya, mungkin terpaksa menunggu hingga setahun atau dua tahun (PK1, 2023).



**Gambar 3:** Kayu yang telah dilubangkan

## 2. Penyediaan kulit lembu atau kerbau (belulang)

Kulit yang digunakan ialah kulit lembu atau kulit kerbau. Kulit haiwan ini diperolehi daripada tempat penyembelihan. Untuk memproses kulit ini ada beberapa peringkat iaitu:

- i. Dijemur sehingga benar-benar kering. Juga mengambil masa antara setahun hingga 2 tahun. Semasa jemur, kulit perlu diregangkan
- ii. Selepas dikeringkan, dibuang bulu-bulu dan sisa-sisa daging atau lemak yang melekat pada kulit
- iii. Direndamkan selama satu hingga dua malam sahaja untuk menjadikan kulit lembut semula. Proses perendaman kulit tidak boleh melebihi dua malam kerana kulit akan koyak. Proses rendaman juga menggunakan air biasa tanpa apa-apa bahan campuran seperti kapur atau garam kerana ia akan merosakkan kulit dimana kulit mudah reput.



**Gambar 4:** Proses pengeringan kulit lembu atau kulit kerbau

Kulit yang telah kering akan ditampal kepada bahagian kayu yang telah disediakan. Untuk memastikan pemasangan kulit benar-benar tegang, baji yang dibuat daripada buluh akan digunakan. Sekiranya kulit tidak tegang, beduk yang diketuk tidak akan menghasilkan bunyi yang nyaring dan kuat. Kulit yang ditampal pada kayu tadi akan dililitkan dengan rotan sebagai hiasan.



**Gambar 5:** Kulit yang ditampal pada kayu



Baji  
daripada  
buluh

Rotan  
yang  
dililitkan  
sebagai  
hiasan

**Gambar 6:** Baji untuk menegangkan belulang

### 3. Penyediaan Kayu Pemalu dan cagak

Kayu pemalu diperbuat daripada kayu yang dibalut dengan getah dihujungnya. Tujuan penggunaan getah ialah bagi menghasilkan lantunan, bunyi yang lebih kuat dan supaya belulang dapat bertahan lama.



**Gambar 7:** Kayu pemalu

Cagak merupakan tempat meletak beduk yang dibuat daripada kayu. Cagak dibina lebih tinggi daripada aras muka. Ketinggiannya pada kebiasaannya ialah enam kaki.. Tujuannya ialah supaya beduk yang dipalu dapat didengari dalam jarak yang lebih jauh. Ada juga beduk yang diletakkan secara digantung.



**Gambar 9:** Beduk yang diletakkan di atas cagak



**Gambar 10:** Beduk yang digantung

## **Instrumen Komunikasi Selain Daripada Beduk**

Kemajuan teknologi yang dicapai pada hari ini menyebabkan banyak instrumen-instrumen tradisional semakin dilupakan. Ini satu lumrah alam atau sunnatullah yang tidak boleh dinafikan. Dengan adanya teknologi pembesar suara pada hari ini, beduk kini sudah tidak lagi digunakan. Walau bagaimanapun di sesetengah masjid ia masih lagi tersimpan untuk tujuan tatapan dan kenangan sahaja. Namun, masih ada masjid yang menggunakannya untuk memaklumkan waktu solat. Terdapat beberapa instrumen lain yang biasanya digunakan di surau-surau sebagai instrumen komunikasi selain daripada beduk.

### **1. Kertuk buluh**

Kertuk buluh diperbuat daripada seruas buluh yang agak besar (lebih besar daripada buluh leman). Pada permukaan buluh ini akan ditebuk satu lubang khas yang dapat berfungsi sebagai lubang suara. Ini bagi menjamin supaya udara yang berada di dalam ruang tabung alat berkenaan dapat mengalir keluar dengan bebas apabila alat ini diketuk. Ia tidak akan dilekatkan atau dipakukan di dinding surau sebaliknya akan digantung untuk menghasilkan bunyi apabila diketuk. Untuk tujuan mengetuk maka disediakan sejenis kayu pemalu. Kegunaan buluh kertuk ini adalah sama fungsinya seperti beduk. Menurut PK3 (2021) kemungkinan kertuk ini pada asalnya digunakan oleh orang-orang asli yang tinggal di hutan. Mereka akan memukul kertuk untuk tujuan memberitahu masyarakat setempat jika ada hal-hal kecemasan.

Menurut Nik Mustapha (2009) alat ini pada asalnya digunakan bagi menghalang burung-burung daripada memakan hasil tanaman mereka seperti padi. Kini alat tersebut sering digunakan sebagai props untuk tarian rakyat yang bersifat kontemporari.



**Gambar 11:** Sebuah kertuk buluh

Kewujudan kertuk dikatakan bermula apabila masyarakat Melayu pada zaman dahulu mendengar bunyi patukan daripada burung belatuk yang sedang mematuk batang kayu berongga. Bunyi yang dihasilkan kemudiannya memberikan ilham kepada masyarakat pada zaman dahulu untuk menghasilkan sebuah alat yang kini dikenali sebagai kerantung (sejenis alat yang diperbuat daripada buluh / kayu nangka). Kemudiannya, masyarakat ini memutuskan untuk menggunakan alat berkenaan di kawasan pertanian dan penternakan dengan tujuan untuk menghalau burung di sawah dan memanggil haiwan ternakan pulang. Oleh itu, reka bentuk dan fungsi instrumen ini diubah suai mengikut kesesuaian tempat ia digunakan (Nur Hazirah & Ros Mahwati Ahmad Zakaria, 2020).

## **2. Kertuk Kayu**

Kertuk kayu merupakan satu nama yang sering digunakan oleh orang Melayu di Kawasan Pantai Timur. Bagi negeri-negeri lain (termasuklah Perak) ia dikenali sebagai “Kerantung” (Nik Mustapha, 2009; Rozimah & Juriah, 2016).

Kertuk kayu termasuk dalam alat idiofon yang diperbuat daripada kayu yang terpilih seperti kayu nangka dan berbentuk memanjang (*oblong*). Pada permukaannya ditebuk lubang khas yang berfungsi sebagai lubang suara atau gema. Ianya dipalu dengan kayu yang diperbuat dari kayu keras untuk menghasilkan bunyi. Biasanya ia di gantung di masjid atau surau dan dipalu bagi menandakan masuk waktu solat dan diikuti dengan laungan azan (Nik Mustapha, 2009).



**Gambar 12:** Kertuk kayu atau Kerantung

### 3. Kertuk Kelapa

Kertuk kelapa diperbuat daripada buah kelapa serta kayu dan berbentuk sedikit bulat. Selain daripada pemberitahuan waktu solat, kertuk kelapa juga dimainkan semasa sambutan perayaan tertentu. Kertuk menjadi medium bagi menyampaikan sesuatu perkhabaran kepada penduduk di sesebuah kampung. Ia juga digunakan oleh penanam padi bagi menghalau burung pada musim padi masak.



**Gambar 13:** Kertuk beserta pemalunya yang terdapat di Kg Sila, Tok Uban, Kelantan

Bunyi daripada kertuk dikeluarkan melalui empat komponen utama iaitu belira, badan kertuk (diperbuat daripada buah kelapa), pemalu dan lekar (pelapik). (<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/1303/2017/07/276304/kertuk-permainan-tradisi-lima-jam>). Untuk tujuan keraian ada enam biji kertuk yang akan dipalu serentak. Sebuah kertuk memerlukan dua orang pemalu. Fungsinya sama seperti sebuah nobat. Pada prinsipnya alat ini menggunakan buah kelapa kering yang telah dibuang isinya sebagai “*resonator*”. Pada permukaan buah kelapa tersebut dibuat lubang dan di atasnya dipasangkan kayu belira yang dialaskan dengan bahan lembut seperti getah, tali dan sebagainya. Kayu belira berperanan sebagai “*sounding body*” bagi alat tersebut. Ianya dipalu dengan alat pemukul khas yang disirat dengan benang kapas untuk menghasilkan gema yang kuat dan berpanjangan (Nik Mustapha, 2009).

#### 4. Tetuang

Dipanggil juga tentuang, tuang-tuang atau bergoh. Tetuang merupakan alat muzik dari jenis tiupan yang tergolong dalam kumpulan muzik aerophones. Ianya diperbuat daripada tanduk kerbau jantan atau lembu dan bahagian tajam hujungnya dipotong supaya ia boleh ditiup. Tetuang berfungsi sebagai alat perhubungan dan komunikasi antara nelayan-nelayan. Ianya digunakan untuk memberitahu bila masanya untuk keluar ke laut. Tetuang juga digunakan untuk memberitahu penduduk kampung kalau berlaku kecemasan, atau memanggil penduduk untuk sama-sama bergotong royong memindahkan rumah. Kebiasaannya penduduk setempat akan diberitahu terlebih dahulu (mungkin 2 atau 3 hari sebelum) dan dijemput menghadiri kerja amal itu. Di samping itu, tetuang juga digunakan untuk menghasilkan dengungan ketika perarakan atau persembahan (Suhaimi Osman, 2018; PK3, 2021).

Tetuang hanya boleh ditiup oleh orang-orang yang mahir sahaja kerana ia memerlukan teknik yang tertentu. Biasanya angin akan disimpan memenuhi mulut sehingga menyebabkan mulut menjadi bulat dan padat. Kemudian barulah tetuang akan ditiup. Mereka yang tidak mahir tentang teknik ini, tidak dapat mengeluarkan bunyi apabila ianya ditiup. Biasanya tetuang hanya terdapat di surau-surau kecil di kampung (PK2, 2021).



**Gambar 14:** Tetuang



**Gambar 15:** Cara meniup tetuang

Pada masa dahulu tetuang tidak dimiliki oleh sebarang orang. Biasanya tetuang ini akan dipegang oleh ketua kampung, penghulu atau pun orang-orang yang diamanahkan. Ini sebagai langkah berhati-hati kerana jika tetuang dimiliki oleh orang ramai, ia tidak boleh lagi dijadikan sebagai semboyan. Dibimbangi nanti jika sekiranya semua orang meniup tetuang, tidak dapat diketahui apakah isyarat sebenar yang ingin disampaikan (Roselan, 12 Disember 2019).

## **PENUTUP**

Hasil kajian menunjukkan bahawa beduk memiliki peranan yang bermakna dalam konteks keagamaan, sosial, dan budaya masyarakat Melayu. Secara keagamaan, beduk digunakan untuk memanggil umat Islam untuk melaksanakan ibadah, termasuk solat dan puasa. Sebagai alat media sosial, bunyi beduk juga memberi petanda kepada masyarakat tentang peristiwa penting seperti kematian seseorang, kecurian dan banjir. Aspek budaya juga diberi penekanan dalam kajian ini, dengan meneliti bagaimana beduk memainkan peranan dalam sambutan perayaan. Selain itu, beduk juga digunakan dalam perarakan budaya dan pertunjukan seni tradisional.

Kepelbagaiaan rima pukulan beduk bagi menandakan jenis pemberitahuan menunjukkan adanya kesefahaman dalam masyarakat kampung untuk sama-sama memahami rima bunyi yang diperdengarkan. Ia juga menunjukkan sikap cakna dan ambil berat masyarakat dengan apa yang berlaku disekeliling mereka. Mereka bukanlah orang yang mementingkan diri sendiri sebagaimana kata peribahasa Melayu “seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing” dan “memagar diri bagai aur”. Instrumen beduk, kertuk dan tetuang juga daya kreativiti masyarakat dahulu dalam menghasilkan kearifan lokal. Usaha perlindungan, pemeliharaan, dan promosi warisan budaya ini perlu diberi perhatian untuk memastikan kelestariannya dan penghayatan oleh generasi masa depan.

## RUJUKAN

- Ahmad Munif. (2017). Dialog fiqh dan budaya kumandang azan. *Jurnal Dialog*, 40(1), 47-56.
- Anabillah. (2017). *Bedug Dan Adzan Sebagai Alat Komunikasi Dalam Menyeru Ibadah Shalat* (Tesis Sarjana Sosial). Institut Agama Islam Negeri Sultan Maulana Hasanuddin Banten
- Darori Amin (ed.). (2000). *Islam dan kebudayaan Jawa*. Yogyakarta: Gema Media
- Handinoto dan Samuel Hartono. (2007). Pengaruh pertukangan cina pada bangunan masjid Kuno di Jawa Abad 15-16. *Dimensi Teknik Arsitektur*, 35(1), 23-40.
- Hasanuddin Yusuf & Zuliskandar Ramli. (2021). Budaya mewakaf meriam pada institusi masjid dalam masyarakat melayu sebelum abad ke 20, *Jurnal Melayu*, 20(2), 282-297
- Hendri F. Isnaeni. (2010, 26 Ogos). Tak-tak-tak-Dung, Ini Sejarah Beduk. *Historia*, <https://historia.id/kultur/articles/tak-tak-tak-dung-ini-sejarah-beduk-P1m2P/page/2>
- Kamaruddin Amin et al. (2018). *Ensiklopedia Islam Nusantara*, Jakarta: Direktorat Pendidikan Tinggi Keagamaan Indonesia.
- Mastor Surat. (2017). *Reka bentuk masjid warisan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Izzatul Izuan Tahir. (8 Mei 2020). *Palu Beduk Sampai Sahur*. <https://www.sinarharian.com.my/article/82490/khas/ramadan/palu-beduk-sampai-sahur>
- Mohd Nefi Imran Djaman. (1999). Persembahan media warisan Malaysia, *Malaysia Journal of Media Studies*, 2(1), 81-89.
- Mudzakkir Dwi Cahyono. (24 September 2008). *Waditra Bedug dalam tradisi Jawa (1)*. Kompas.com <https://nasional.kompas.com/read/2008/09/24/18422736/index-html>
- Muhamad Syahmi Dorahman. (2018). *Pengurusan pemuliharaan instrumen beduk dalam budaya masyarakat melayu di Sungai Besar, Selangor*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. UNIMAS
- Nangkula Utaberta. (2007). Studi terhadap senibina masjid tradisional Indonesia kajian terhadap sejarah, teori dan Morfologi-Fizikal, *Jurnal Alam Bina*, 1-16.
- Nasir AB (12 November 2012). Beduk berusia lebih 120 tahun di ekspo MAIK, *Detik Perubahan*, <https://detikperubahan.wordpress.com/2012/11/16/beduk-berusia-lebih-120-tahun-di-ekspo-maik/>
- Nik Mustapha Bin Nik Mohd Salleh. (2009). *Alat muzik tradisional dalam masyarakat Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN)
- Noorazura Abd. Rahman. (22 Jun 2016). Beduk 100 tahun kejutkan penduduk bersahur, *Berita Harian*, <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/06/166986/beduk-100-tahun-kejutkan-penduduk-bersahur>
- Nor Azlinda Alimin. (2012). *Beduk tradisi tiada pengganti*. <https://polopy.karangkraf.com:80801/preview/www/2.657/2.668/1.104961>
- Noresah Baharom et al. (2013). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Nur Hazirah & Ros Mahwati Ahmad Zakaria. (2020). Pelestarian permainan muzik kertuk dalam kalangan penduduk di negeri Kelantan, *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(2), 11-18.
- Omar Farouk Bajunid. (1989). *Esei-Esei budaya dan sejarah Kelantan*. Kuala Lumpur: Asrama Za'ba Universiti Malaya
- Peserta Kajian 1 (PK1) (2023). Temubual pada jam 3.30 petang bertempat di Muzium Islam Kelantan.
- Peserta Kajian 2 (PK2) (2021). Temubual pada jam 5 petang bertarikh 13 Ogos 2021 petang di Kampung Sila, Tok Uban, Kelantan.
- Peserta Kajian 3 (PK3) (2021). Temubual pada jam 10 pagi bertarikh 15 Ogos 2021 bertempat di Kampung Kutan Tengah, Kelantan.
- Raja Iskandar Raja Halid .(2017). Gendang besar istana Kelantan dlm. Ahmad Rasdan Ismail et al. (ed.). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Kelantan*, Pengkalan Chepa: Universiti Malaysia Kelantan.
- Roselan Ab Malek. (12 Disember 2019). "Tetuang, Warisan Melayu Yang Semakin Pupus". *Berita Harian*.
- Rozimah Bidin & Juriah Mohd Amin. (2016). *Peranan Kerantong Sebagai Media Dakwah Islam Di Negeri Perak*. e-Proceedings of International Conference on Language, Education and Civilization (LECIC 2016). Seri Iskandar: UiTM Perak
- Somayeh Armani. (2014). *The Influence Of Chinese Architecture On Traditional Melaka Mosques* [Tesis Sarjana Sains (Architecture)]. Universiti Malaya.
- Suhaimi bin Osman. (Mei-Ogos 2018). Kumpulan Muzik Erofon. *Berita JMM*. Jabatan Muzium Malaysia. 25(2), 25.
- Zulkifli al-Bakri. (28 June 2023). *Mengetuk beduk sebelum azan*. <https://maktabahalbakri.com/2038-mengetuk-beduk-sebelum-azan/>